

Soo Yew Phong

Universiti Teknologi MARA

sooyewphong@melaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini cuba meninjau sejauh mana kata-kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dikembangkan melalui proses morfologi bahasa Melayu, yakni (i) pengimbuhan, (ii) penggandaan, dan (iii) pemajmukan. Dengan ini, kesan-kesan proses morfologi bahasa Melayu yang dikenakan terhadap kata-kata pinjaman bahasa Cina, misalnya penciptaan kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk baharu yang bersifat hibrid melalui pengacukkan morfem bahasa Melayu dengan kata pinjaman bahasa Cina dapat ditentukan. Didapati fungsi dan makna asal kata pinjaman bahasa Cina telah mengalami perubahan atau diperluaskan.

Kata Kunci: Kata Pinjaman, Bahasa Cina, Bahasa Melayu, Morfologi.

PENDAHULUAN

Apabila dua bahasa atau lebih daripada dua bahasa bertembung di dalam satu masyarakat, berlakunya proses peminjaman kosa kata di antara bahasa-bahasa tersebut adalah suatu fenomena yang semula jadi (Weinreich, 1968). Peminjaman lexis ini merupakan keperluan sosial kepada pengguna bahasa yang berlainan terutama apabila mereka menerima konsep atau idea baharu daripada komuniti bahasa yang berbeza, bahasa ini perlu ada kosa kata untuk menamakan perkara baharu ini. Maka, peminjaman lexis daripada bahasa yang lain dijadikan salah satu jalan untuk (1) mengisi kekosongan perbendaharaan kata bahasa berkenaan atau (2) menggambarkan sesuatu dengan lebih jitu atau mudah.

Oleh yang demikian, perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa dapat dibahagikan kepada kosa kata natif dan kosa kata pinjaman. Tidak ada satu bahasa di dunia ini terkecuali daripada mengalami proses peminjaman kerana dengan meminjam kata-kata asing, bahasa ini akan menjadi lebih lengkap serta dapat menjelaskan sesuatu perkara dengan tepat dan khusus terutamanya kata-kata yang bersangkutan dengan budaya sesuatu masyarakat yang sudah mulai masuk ke dalam masyarakat peminjam (Langacker, 1968). Misalnya kedatangan orang Cina ke Perantauan Melayu sejak abad ke-15 atas faktor perdagangan, penjajahan Barat, penghijrahan kerana mengerjakan perlombongan bijih timah telah menyebabkan terserapnya perbendaharaan kata bahasa Cina yang berasal dari pelbagai bidang ke dalam bahasa Melayu, contohnya kosa kata berkaitan dengan perjudian, gelaran, panggilan Cina dan sebagainya.

Sehingga kini, situasi pertembungan bahasa antara dua budaya Cina dan Melayu masih berlaku. Menurut Abdullah Hassan (1974:235), "Pengaruh dari bahasa Cina terhadap bahasa Melayu juga agak menyeluruh tetapi kesan itu tidak sama dalam kalau berbanding dengan kebudayaan yang telah lama bertapak di Malaysia. Sebahagian besar pinjaman ini ialah dalam bidang nama-nama tubuh badan manusia. Banyak juga kata-kata yang dipinjam itu dari bidang makanan. Tidak hairan perkara ini berlaku sebab ini adalah aktiviti yang penting dalam kehidupan sehari-hari. Bahkan makanan Cina dapat dilihat mula meresap menjadi popular di kalangan orang-orang Melayu. Sebahagian besar juga dipinjam dalam bidang kemahiran bagi menyatakan jenis pekerjaan dan keahlian dalam aktiviti ekonomi. Tabiat masyarakat Cina yang tekun dan berusaha itu dapat menjelaskan fenomena ini. Akhirnya kesukaan orang Cina dalam berjudi juga telah melimpahkan beberapa kata pinjaman dalam bidang ini." Pandangan Abdullah Hassan (1974) menunjukkan peminjaman kosa kata berlaku bukan sahaja hasil daripada pertembungan bahasa, tetapi juga hasil daripada pertembungan budaya.

Akibat dari peminjaman bahasa, maka perubahan bahasa juga berlaku. Perubahan bahasa merupakan suatu proses pengubahsuaian atau penggantian ciri-ciri sesuatu bahasa disebabkan pengaruh luar atau proses dalaman (Kamus Linguistik, 1997:189). Perubahan bahasa secara amnya berlaku dalam aspek perubahan bunyi, perubahan morfologi, perubahan struktur ayat atau sintaksis, perubahan leksis dan perubahan semantik. Lazimnya, kata pinjaman yang diserap masuk ke dalam sesuatu bahasa natif akan berlakunya dua fenomena, yakni (1) perubahan bentuk atau struktur dari segi fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis agar berseragaman dengan sistem nahu bahasa natif; (2) kata pinjaman tersebut mengekalkan ciri-ciri sistem nahu bahasa sendiri. Justeru, perbincangan kertas kajian ini difokuskan kepada perubahan dari sudut morfologi yang berlaku apabila kata pinjaman bahasa Cina meresap ke dalam bahasa Melayu.

DEFINISI KONSEP

Untuk tujuan kajian ini, kata pinjaman (loan word) merujuk kepada kosa kata bahasa sumber (bahasa Cina) yang telah mantap terserap ke dalam bahasa sasaran (bahasa Melayu) sehingga menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata kepada bahasa yang meminjam. Pengkaji berpendapat, sesuatu kata pinjaman yang dikatakan mantap adalah kata yang sudah disimpan sebagai entri kamus dalam bahasa sasaran dan akhirnya dianggap milik bahasa yang meminjam.

Kata pinjaman bahasa Cina dalam kajian ini merangkumi kosa kata yang dipinjam dari bahasa Mandarin (bahasa Cina standard yang digunakan sebagai lingua franca) dan dialek-dialek Cina, misalnya dialek Hokkien, Hakka, Kantonis, Teochew dan sebagainya, sedangkan kebanyakan kata bahasa Cina yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu adalah dialek Cina. Menurut hasil kajian Kong (1993), sebanyak 91.2% daripada jumlah kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu adalah kosa kata daripada dialek Hokkien.

Menurut Tatabahasa Dewan (2008:43), “Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Dengan struktur kata dimaksudkan susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi, atau bentuk dan fungsinya.....Morfologi bahasa Melayu ialah bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu.” Oleh yang demikian, proses morfologi yang dibincangkan dalam kajian ini menumpu kepada cara atau proses pembentukan kata bahasa Melayu seperti pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau proses morfologi yang dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu supaya menentukan sejauh mana kata pinjaman bahasa Cina yang diserap ke dalam bahasa Melayu dikembangkan melalui penyebaran leksikal.

Persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan ialah:

1. Berapakah jumlahnya kata pinjaman bahasa Cina yang mengalami proses morfologi?
2. Apakah jenis proses morfologi yang dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu?
3. Apakah kesan-kesan yang dikenakan terhadap kata-kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu selepas mengalami proses morfologi?

METODOLOGI

Kata-kata pinjaman bahasa Cina yang ditinjau dalam kajian ini adalah daripada data sekunder iaitu daripada kamus. Kamus selalu dijadikan sumber sampel kerana entri kamus memang merangkumi pelbagai aspek dan bidang pengetahuan (Lado, 1957:6). Untuk meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian, Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005) dijadikan sumber utama bagi mengumpulkan butir-butir kata pinjaman bahasa Cina dalam kajian ini. Menurut Asmah (1987:16), Kamus Dewan diiktiraf baku dan dianggap sempurna sebagai satu-satunya ‘kamus kebangsaan’ yang unggul dan berwibawa di negara ini. Kamus Dewan adalah kamus paling utama dan dijadikan landasan bagi rujukan makna perkataan Melayu serta penyusunan kamus-kamus lain yang ada dalam pasaran hari ini. Dalam Kamus Dewan, entri yang dilabelkan C ialah lexis yang dipinjam daripada bahasa Cina. Dengan ini, sejumlah 157 entri yang dilabelkan C telah dikumpul untuk dijadikan sampel kajian ini. Akan tetapi, bukan semua kata pinjaman bahasa Cina yang menjadi entri dalam kamus tersebut dilabelkan C disebabkan ada kalanya (1) kata tersebut difikirkan telah terserap dan mantap penggunaannya

di Malaysia (Kamus Dewan, 2005:xviii); (2) penyusun kamus tidak menyedari bahawa kata-kata berkenaan adalah kata pinjaman daripada bahasa Cina (Zaharani, 2004:3).

Dengan menyedari kekurangan ini, pengkaji juga merujuk kepada beberapa kajian lepas supaya dapat mengumpulkan sampel secara menyeluruh. Dengan ini, kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang disenaraikan dalam kertas kajian seperti Kong (1993); Mashudi dan Yeong (1989); Hugh Brennan (1992) serta Choi dan Chong (2008) telah pun dirujuk.

Bagi menentukan sama ada sesuatu kata pinjaman bahasa Cina mengalami proses morfologi atau tidak, Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005) dijadikan rujukan yang muktamad.

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan sinkronik, di mana ia merupakan pendekatan yang menggunakan ukuran rasmi dengan hanya mengambil kira keadaan sesuatu bahasa pada tempoh waktu tertentu tanpa mengambil kira perkembangan sejarah bahasa tersebut (Heah, 1989:20).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, sebanyak 294 butir lexis dikenalpasti sebagai kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu di Malaysia. Dari segi medan makna, 294 butir kata pinjaman ini boleh dikelaskan kepada 27 kumpulan, iaitu (1) makanan dan minuman; (2) barang kegunaan harian atau alat-alat di rumah; (3) gelaran dan panggilan; (4) sayuran-sayuran, buah-buahan dan herba; (5) bangunan, perkakas pembinaan dan tempat; (6) kata sifat; (7) pakaian, persolekan dan kain; (8) permainan dan perjudian; (9) suku kaum Cina; (10) adat istiadat dan keagamaan; (11) pentadbiran, pemerintah; (12) seni; (13) aktiviti dan perbuatan dalam kehidupan harian; (14) rokok, candu dan arak; (15) pekerjaan; (16) alat pengangkutan; (17) senjata; (18) hari perayaan; (19) penyakit dan kecacatan; (20) alat tulis; (21) alat mengira dan alat menimbang; (22) ukuran dan penjodoh bilangan; (23) haiwan; (24) kata ganti nama; (25) kata tanya; (26) ubat; dan (27) lain-lain.

Hasil kajian mendapati bahawa daripada jumlah 294 butir kata pinjaman ini, hanya 65 atau 22.11% kata pinjaman dikenakan proses morfologi untuk membentuk kata terbitan, kata majmuk atau kata ganda dalam bahasa Melayu. Dengan kata lain, sebanyak 229 atau 77.89% perkataan yang diserap ke dalam bahasa Melayu tidak mengalami sebarang proses morfologi, tetapi hanya digunakan sebagai kata tunggal. Ini menunjukkan majoriti kata pinjaman bahasa Cina digunakan secara terus dalam bahasa Melayu tanpa menerima apa-apa bentuk imbuhan atau kata dasar lain yang berada dalam bahasa sasaran.

Bagi 22.11% kata pinjaman yang dikenakan proses morfologi, sebenarnya tidak dapat membuat satu kesimpulan ketara yang menyatakan bahawa kata pinjaman bahasa Cina yang tergolong dalam medan makna yang mana lebih dikenakan proses morfologi. Akan tetapi, satu kesimpulan nyata yang boleh dibuat ialah kata pinjaman bahasa Cina yang tergolong dalam medan makna seperti 'suku kaum

Cina', 'adat istiadat dan keagamaan', 'hari perayaan', 'penyakit dan kecacatan', 'kata ganti nama' dan 'kata tanya' tidak dikenakan sebarang proses morfologi. Dari dapatan kajian, pemajmukan merupakan proses morfologi yang paling produktif dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, iaitu 47 daripada jumlah 65 kata pinjaman dikenakan pemajmukan, diikuti ialah pengimbuhan (31 leksis) dan penggandaan (7 leksis).

PENGIMBUHAN YANG DIKENAKAN TERHADAP KATA PINJAMAN CINA

Pengimbuhan ialah proses morfologi yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar yang kemudiannya melahirkan kata terbitan. Kata-kata pinjaman bahasa Cina yang diberikan imbuhan bahasa Melayu telah menghasilkan kata terbitan baharu. Akibatnya, kata-kata pinjaman tersebut mengalami perubahan makna nahu, terutamanya perluasan makna.

Secara rumusan, pola perluasan makna bagi kata pinjaman bahasa Cina yang ditambahkan imbuhan bahasa Melayu dapat dikategorikan kepada 21 kumpulan seperti berikut, iaitu dari kategori (A) ke (U). Dalam kajian ini, semua contoh akan dipersembahkan dalam bentuk berikut:

kata pinjaman bahasa Cina	->	kata bahasa Melayu yang bersifat hibrid selepas mengalami proses morfologi	[makna bagi kata hibrid tersebut dan ia dipetik dari Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005)]
---------------------------	----	--	---

A. Dari medan makna 'benda' berkembang ke medan makna 'benda yang hasil daripada melakukan benda tersebut' dengan penambahan akhiran -an. Contohnya

banci	->	bancian	[hasil daripada membuat banci];
cat	->	catan	[lukisan yang dilukis dengan cat];
kepang	->	kepangan	[hasil mengepang],

Perkataan 'banci' pada asalnya bermakna 'sekeping kertas atau papan yang mencatatkan maklumat peribadi seseorang dan ahli keluarganya sejak zaman dahulu di negara Cina'. Apabila 'banci' dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu

dan ditambahkan akhiran –an membentuk perkataan ‘bancian’ yang membawa makna baru, yaitu ‘laporan daripada membanci’.

B. Dari medan makna ‘benda’ berkembang ke medan makna ‘orang yang melakukan kerja yang berkaitan dengan benda tersebut’ dengan penambahan awalan peN-. Contohnya:

banci	->	pembanci	[orang yang ditugasi untuk membanci];
cat	->	pengecat	[orang yang kerjanya mengecat].

C. Dari medan makna ‘benda’ berkembang ke medan makna ‘tempat’ dengan penambahan apitan pe-...-an. Contohnya:

top	->	petopan	[tempat bermain judi].
-----	----	---------	------------------------

D. Dari medan makna ‘benda’ berkembang ke medan makna ‘perihal atau proses yang mengerjakan benda tersebut atau mengerjakan sesuatu dengan benda tersebut’ dengan penambahan apitan peN-...-an. Contohnya:

banci	->	pembancian	[kerja-kerja membanci];
cap	->	pengecapan	[1.perihal (perbuatan, kerja) mengecap(kan); 2.percetakan; 3.perusahaan cap-mengecap, pencetakan];
cat	->	pengecatan	[kerja (perbuatan) mengecat].

E. Dari medan makna ‘orang’ berkembang ke medan makna ‘benda atau hal yang berkaitan dengan orang tersebut’ dengan penambahan akhiran –an atau apitan ke-...-an. Contohnya:

kuli	->	kulian	[wang kuli, upah kepada kuli];
samseng	->	kesamsengan	[hal (sifat, perilaku) yang berkaitan dengan samseng].

F. Dari medan makna 'sifat' berkembang ke medan makna 'perihal sifat tersebut' dengan penambahan apitan ke-...-an. Contohnya:

jitu	->	kejitian	[perihal jitu, ketepatan, kewajaran].
liai	->	kelihai	[perihal liai, kepintaran].

G. Dari medan makna 'sifat' berkembang ke medan makna 'proses mengerjakan sifat tersebut' dengan penambahan apitan peN...-an. Contohnya:

jitu	->	penjituan	[proses menjitukan sesuatu benda].
------	----	-----------	------------------------------------

H. Dari medan makna 'tempat' berkembang ke medan makna 'benda' dengan penambahan akhiran -an. Contohnya:

kongsi	->	kongsian	[sejenis cukai yang dikenakan ke atas penduduk tanah persendirian].
--------	----	----------	---

Perkataan 'kongsi' yang dipinjam dari dialek Kantonis yang membawa makna 'rumah perkumpulan pekerja Cina yang bekerja di lombong bijih timah dahulu'. Apabila ditambahkan dengan akhiran -an membentuk kata terbitan 'kongsian' yang bermakna 'sejenis cukai'. Ini menunjukkan imbuhan bahasa Melayu yang digandingkan pada kata pinjaman bahasa Cina kadangkala membentuk perkataan baharu yang maknanya tidak mempunyai sebarang berkaitan dengan

makna asal dalam bahasa sumber.

I. Dari medan makna ‘tempat’ berkembang ke medan makna ‘orang yang bekerja atau melibatkan diri di tempat tersebut’ dengan penambahan awalan pe-. Contohnya:

kongsi	->	pekongsi	[individu atau kumpulan yang berkongsi];
lampan	->	pelampan	[orang yang melampan].

J. Dari medan makna ‘tempat’ berkembang ke medan makna ‘tempat yang lain’ dengan penambahan apitan peR-...-an. Contohnya:

kongsi	->	perkongsi	[syarikat perniagaan yang dijalankan secara berkongsi oleh dua orang atau lebih sebagai rakan niaga].
--------	----	-----------	---

Kategori (A) ke (J) menunjukkan kata-kata nama yang dipinjam dari bahasa Cina digandingkan imbuhan kata nama dan menghasilkan kata nama terbitan yang membawa makna baharu dalam bahasa Melayu.

K. Dari medan makna ‘benda’ berkembang ke medan makna ‘mempunyai benda tersebut’ dengan penambahan awalan beR-. Contohnya:

dacing	->	berdacing	[mempunyai dacing];
duit	->	berduit	[1. mempunyai duit, berwang; 2. kaya];
kepang	->	berkepang	[beranyam, berjalin (bukan rambut, tali)];

L. Dari medan makna 'benda' berkembang ke medan makna 'memakai atau menggunakan benda tersebut' dengan penambahan awalan beR-. Contohnya:

beca	->	berbeca	[menaiki (menumpang) beca];
ceongsam	->	berceongsam	[berpakaian ceongsam];
cuki	->	bercuki	[bermain cuki];
sampan	->	bersampan	[menaiki sampan].

M. Dari medan makna 'benda' berkembang ke medan makna 'melakukan sesuatu dengan benda tersebut' dengan penambahan awalan meN- dan apitan meN...-kan. Contohnya:

dacing	->	mendacing	[menimbang dengan dacing];
gincu	->	menggincu	[mewarnai (bibir) dengan gincu];
loceng	->	meloceng	[membunyikan loceng].

N. Dari medan makna 'benda' berkembang ke medan makna 'menjadikan seseorang bersifat seperti benda tersebut' dengan penambahan awalan meN-. Contohnya:

cuka	->	mencuka	[menjadi masam seperti cuka (bukan wajah, muka) kerana marah, geram].
------	----	---------	---

O. Dari medan makna 'benda' berkembang ke medan makna 'menjadikan sesuatu seperti benda tersebut' dengan penambahan awalan meN-. Contohnya:

kepang	->	mengepang	[menganyam, menjalin, mengelabang (rambut, tali)].
--------	----	-----------	--

P. Dari medan makna ‘keadaan’ berkembang ke medan makna ‘membuatkan atau menjadikan sesuatu seperti keadaan tersebut’ dengan penambahan awalan meN- atau apitan meN-...-kan. Contohnya:

jitu	->	menjitukan	[mengenakan dengan tepat (jawaban, pukulan, dan lain-lain), memberikan jawaban, dan lain-lain secara tepat];
cengkelong	->	mencengkelong	[mengurangi (wang dan lain-lain)].

Q. Dari medan makna ‘orang’ berkembang ke medan makna ‘mengerjakan sesuatu seperti perlakuan orang tersebut’ dengan penambahan awalan beR- atau awalan meN-. Contohnya:

kuli	->	berkuli	[bekerja sebagai kuli];
lecun	->	melecun	[menjalankan tipu muslihat, mengecoh].

R. Dari medan makna ‘orang’ berkembang ke medan makna ‘menperbuat seperti orang tersebut’ dengan penambahan awalan memper-. Contohnya:

kuli	->	memperkuli	[memperbuat sebagai kuli].
------	----	------------	----------------------------

S. Dari medan makna ‘tempat’ berkembang ke medan makna ‘mengerjakan atau mengusahakan sesuatu di tempat tersebut’ dengan penambahan awalan beR- atau awalan meN-. Contohnya:

lampan	->	melampan	[mencari bijih (timah dan lain-lain) dengan mendulang di lampan];
toko	->	bertoko	[berjual barang-barang di toko].

T. Dari medan makna ‘tempat’ berkembang ke medan makna ‘perbuatan’ dengan penambahan awalan beR- atau awalan meN-. Contohnya:

kongkalikung	->	berkongkalikung	[bersepakat dalam melakukan sesuatu kesalahan (tipu daya), bersekongkol];
kuntau	->	berkuntau	[bersilat (berpencak) cara Cina];
tapau			
	->	menapau	[membungkus (makanan dan sebagai) untuk dibawa pulang dan sebagai].

Kategori (K) ke (T) menunjukkan kata-kata nama yang dipinjam dari bahasa Cina digandingkan imbuhan kata kerja dan menghasilkan kata kerja terbitan yang membawa makna baharu dalam bahasa Melayu. Contoh kata pinjaman dari kategori (K) ke (T) ini selain berlakunya perubahan makna nahu atas sebab pengimbuhan, malah mengalami perubahan kelas kata. Akibat dari penambahan imbuhan bahasa Melayu, kata pinjaman yang bersifat kata nama dalam bahasa Cina berubah menjadi kata kerja dalam bahasa Melayu.

U. Dari medan makna ‘perbuatan’ berkembang ke medan makna ‘seseorang terlibat dalam perbuatan tersebut’ dengan penambahan awalan beR- atau awalan meN-. Contohnya:

kongsi			
	->	berkongsi	[bersekutu (bergabung) dalam sesuatu kegiatan (seperti berniaga), bersama-sama (membayar, menggunakan, menduduki, dan lain-lain)];
	->	mengongsi	[menggunakan (menduduki dan lain-lain) bersama-sama].

Kategori (U) menunjukkan kata-kata kerja yang dipinjam dari bahasa Cina digandingkan imbuhan kata kerja dan menghasilkan kata kerja terbitan yang membawa makna baharu dalam bahasa Melayu.

PEMAJMIKAN YANG DIKENAKAN TERHADAP KATA PINJAMAN CINA

Pemajmukan merupakan proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang membawa makna tertentu. Kata majmuk ialah bentuk kata yang dihasilkan melalui proses pemajmukan dan ia selalunya dieja terpisah serta bertindak sebagai satu unit, iaitu bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain. (Tatabahasa Dewan, 2008).

Dari segi penggolongan kata, kebanyakan kata pinjaman bahasa Cina yang terserap ke dalam bahasa Melayu merupakan kata nama. Oleh yang demikian, kebanyakan kata majmuk yang dihasilkan daripada proses merangkaikan kata pinjaman bahasa Cina dengan kata dasar bahasa Melayu adalah kata nama majmuk.

Berdasarkan jenisnya, kata majmuk yang terhasil daripada rangkaian kata pinjaman bahasa Cina dengan kata dasar bahasa Melayu boleh dirumuskan kepada 3 kelompok seperti berikut:

A. Kata majmuk yang terdiri daripada rangkaian kata bebas. Contohnya:

beng	->	kopi O beng	[kopi ais yang dibubuh dengan gula];
cat	->	cat air	[cat yang dicairkan dengan air];
	->	cat alis	[penghitam (kening)];
	->	cat bakar	[cat yang disemburkan pada permukaan perabot];
	->	cat batik	[bahan yang digunakan untuk mewarnai kain batik];
	->	cat bibir	[gincu bibir];
	->	cat minyak	[cat yang dicairkan dengan minyak];
cawan			

	->	cawan kopi	[bekas (bulat kecil, biasanya bertangkai) untuk minum kopi dan lain-lain];
	->	cawan pinggan	[perkakas-perkakas tembikar];
kuli	->	wang kuli	[wang yang dibayar kepada kuli sebagai upah];
sampan	->	sampan kolek	[sampan yang tidak memakai layar];
	->	sampan kotak	[sampan yang mempunyai petak-petak];
	->	sampan ludang	[sampan yang bentuknya seperti seludang];
	->	sampan payang	[sampan yang bersama perahu besar dipakai untuk meregangkan jaring];
toko	->	toko buku	[kedai buku];
tongsan	->	ikan tongsan	[ikan negeri China].

Berdasarkan contoh yang disenaraikan, didapati kebanyakan kata pinjaman bahasa Cina mengalami perluasan makna apabila dirangkai dengan perkataan bahasa Melayu. Contohnya, perkataan 'cat' dari dialek Hokkien asalnya bermakna 'sejenis cecair yang berwarna yang disapukan pada dinding'. Namun, apabila perkataan 'cat' dipinjam ke dalam bahasa Melayu dan mengalami pemajmukan, makna leksikalnya diperluaskan kepada makna 'bahan yang boleh disapukan atau digunakan pada mimik muka dan lain-lain'. Ini boleh dijelaskan melalui pembentukan kata majmuk 'cat bibir', 'cat alis', 'cat batik' dan 'cat bakar' dalam bahasa Melayu. Keadaan ini sama dengan kata pinjaman Cina 'cawan' dengan rangkaian kata 'cawan kopi' dan 'cawan pinggan' dalam bahasa Melayu. Selain daripada contoh yang ditunjukkan di atas, kata pinjaman Cina seperti

'beca, cap, cincau, cuki, duit, jintan, jong, kuih, lobak, loceng, loteng, mi, mihun, pisau, pok-o, tahang, tauhu, teh, tong' juga mengalami proses pemajmukan untuk membentuk kata majmuk yang terdiri daripada rangkaian kata bebas dalam bahasa Melayu.

Sementara itu, didapati terdapat sebahagian kata pinjaman bahasa Cina dirangkaikan dengan kata dasar bahasa Melayu yang mendukung makna atau medan makna yang sama dengannya. Ini menjadikan kedua-dua perkataan yang dirangkaikan bersama itu walaupun membentuk kata majmuk yang baharu, tetapi maknanya masih merujuk kepada makna yang sama dengan makna asal dalam bahasa sumber. Contohnya kata pinjaman 'bohsia', makna asal dalam bahasa Cina sudah merujuk kepada 'perempuan', setelah dikenakan proses pemajmukan, ia dirangkaikan dengan kata dasar bahasa Melayu 'gadis' (gadis bohsia) dan 'awek' (awek bohsia) yang sama-sama bermakna 'perempuan'. Kedua-dua perkataan yang dirangkaikan bersama itu sebenarnya mengalami pengulangan makna. Keadaan ini sama dengan contoh seperti (1) 'kucai' dengan kata majmuk 'daun kucai', di mana 'kucai' sendirinya sudah bermakna 'daun'; (2) 'kingkip' dengan kata majmuk 'limau kingkip', di mana 'kingkip' sendirinya sudah bermakna 'limau'.

B. Kata majmuk yang berbentuk istilah khusus. Contohnya:

cobek	->	anak cobek	[penggiling untuk cobek];
cuka	->	cuka belanda cuka getah	[asid asetik]; [asid formik];
dacing	->	lidah dacing	[jarum (pada dacing) yang menunjukkan keseimbangan timbangan];
duit	->	duit ayam	[duit bergambar ayam (pada zaman penjajahan)];
kongsi	->	kongsi gelap	[perkumpulan sulit (untuk maksud atau kegiatan jahat)];
lobak	->	lobak hutan lobak jantan	[Orchidantha longiflora]; [Susum malayanum];

nyonya	->	nyonya rumah	[perempuan tuan rumah, perempuan yang mempunyai (memiliki) rumah];
teh	->	teh hutan teh makau	[Acalypha siamensis]; [Scorppria dulcis].

C. Kata majmuk yang mendukung maksud hiasan (simpulan bahasa).

Contohnya:

duit		duit kopi	[wang yang diberikan kepada pemilik rumah (kedai dan lain- lain) yang akan disewa rumahnya (kedainya dan lain-lain)];
koyok		jual koyok	[(ubat) menemberang, bercakap kosong];
kuli		makan kuli	[bekerja sebagai kuli];
pisau		pisau calung	[perempuan yang suka menghabiskan wang (harta) lelaki];

PENGGANDAAN YANG DIKENAKAN TERHADAP KATA PINJAMAN CINA

Kajian ini dapat merumuskan bahawa hanya 7 butir kata pinjaman bahasa Cina digandakan kata dasarnya untuk menghasilkan kata ganda. Dengan kata lain, penggandaan tidak merupakan cara utama bagi kata pinjaman bahasa Cina untuk memperluaskan fungsinya dalam bahasa Melayu.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 3 jenis penggandaan yang dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina untuk membentuk kata gandaan dalam bahasa Melayu seperti berikut:

A. Penggandaan penuh kata tunggal

Penggandaan penuh kata tunggal merupakan proses menggandakan seluruh kata pinjaman tersebut tanpa sebarang perubahan bentuk. Terdapat hanya 3 butir kata pinjaman bahasa Cina dikenakan proses morfologi ini, contohnya:

cincai	->	cincai-cincai	[tidak bersungguh-sungguh (tidak teliti, tidak rapi), sembarangan];
kuih	->	kuih-kuih	[kuih muih];
ngam	->	ngam-ngam	[cukup-cukup, genap-genap].

Berdasarkan 3 contoh yang disenaraikan, 'kuih-kuih' merupakan kata nama ganda, manakala 'cincai-cincai' dan 'ngam-ngam' adalah kata adjektif ganda. Gandaan terhadap 'kuih' berfungsi sebagai penanda 'jamak', iaitu untuk menandakan 'jumlah yang besar'. Dengan ini, 'kuih-kuih' bermakna 'kuih yang berjenis-jenis'. Akan tetapi, gandaan terhadap 'cincai' dan 'ngam' pula berfungsi sebagai penanda yang memberi makna 'keadaan sifat yang menyeluruh' atau 'memberi penegasan kepada sifat tersebut'.

B. Penggandaan separa kata berimbuhan

Ada kalanya terdapat kata pinjaman bahasa Cina digandingkan imbuhan bahasa Melayu untuk membentuk kata terbitan dan seterusnya kata dasar daripada kata terbitan tersebut digandakan untuk membentuk kata ganda. Contohnya:

cawan	->	bercawan-cawan	[beberapa banyak cawan];
sampan	->	bersampan-sampan	[bersuka ria dengan menaiki sampan];
soja	->	tersoja-soja	[berkali-kali membongkok (untuk menghormati), tertunduk-tunduk];
tong	->	bertong-tong	[beberapa banyak tong].

Contohnya perkataan 'cawan' ditambahkan imbuhan awalan 'ber-' untuk membentuk kata kerja 'bercawan' yang bermakna 'mempunyai cawan', seterusnya perkataan 'bercawan' ini digandakan sebahagiannya untuk menghasilkan 'bercawan-cawan' yang bermakna 'seseorang itu telah mengambil beberapa banyak cawan'. Gandaan jenis ini berfungsi sebagai penanda yang memberi makna 'beberapa kali' atau 'beberapa banyak'.

C. Penggandaan berentak pengulangan vokal

Penggandaan ini berlaku dalam bahagian yang mempunyai ciri-ciri persamaan pada bunyi vokal tertentu dalam kata pinjaman tersebut. Kajian didapati hanya sebutir kata pinjaman yang mengalami penggandaan berentak pengulangan vokal, iaitu perkataan 'kuih'. Dalam kata pinjaman 'kuih', vokal 'ih' digandakan dan membentuk kata ganda 'kuih-muih' yang bermakna 'bermacam-macam jenis kuih'. Dengan ini, gandaan dalam contoh ini berfungsi sebagai penanda 'kepelbagaian jenis', ianya telah memperluaskan makna asal 'kuih' yang bersifat kata nama tunggal dalam bahasa sumber kepada kata nama jamak dalam bahasa sasaran.

KESIMPULAN

Kertas kajian ini telah menghuraikan proses morfologi yang berlaku dalam kata-kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu. Di antara 3 jenis proses morfologi yang dikenakan terhadap kata pinjaman bahasa Cina, pemajmukan adalah proses pembentukan kata yang paling produktif, diikuti ialah pengimbuhan dan penggandaan. Melalui pengacukkan morfem bahasa Melayu dengan kata pinjaman bahasa Cina, banyak kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk baharu telah diciptakan. Kata-kata baharu yang bersifat hibrid ini lazimnya mendukung makna yang lebih luas daripada makna asalnya dalam bahasa sumber. Sebagai contoh, kata pinjaman 'sampan' (□□shānbǎn) ini apabila digandingkan dengan imbuhan bahasa Melayu membentuk kata terbitan 'bersampan', maksud nahunya berubah dan kelas katanya pun berubah dari kata nama kepada kata kerja. Selain itu, apabila kata 'sampan' dirangkaikan dengan kata dasar atau unsur lain dalam bahasa Melayu, ia membentuk kata majmuk seperti 'sampan kolek, sampan kotak, sampan ludang, sampan payang' dan juga kata gandaan 'bersampan-sampan', maka makna leksikalnya diperluaskan. Perkembangan perkataan 'sampan' melalui proses morfologi secara mendalam ini, mengakibatkan penutur bahasa Melayu sendiri tidak menyedari bahawa 'sampan' merupakan kata pinjaman Cina, malah kebanyakan penutur bahasa Cina sendiri pun salah menganggap bahawa 'sampan' adalah kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Cina. Maka, proses morfologi yang dikenakan terhadap sesuatu kata pinjaman bukan sahaja memperkayakan perbendaharaan kata dalam bahasa sasaran, tetapi juga memantapkan lagi penggunaan sesuatu kata pinjaman dalam bahasa yang meminjamnya. Dari hasil kajian, sebanyak 77.89% daripada keseluruhan 294 kata pinjaman Cina tidak mengalami sebarang proses morfologi dan terus digunakan sebagai kata tunggal dalam bahasa Melayu. Perbincangan tentang fenomena

ini merupakan suatu lagi kajian yang menarik untuk dikembangkan pada masa hadapan.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. 1974. Pertembungan Bahasa dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu dalam Jurnal Dewan Bahasa, Jilid. 5, pp. 216-236.

Asmah Haji Omar. 1987. Perkamusan Melayu: Satu Penilaian. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.

Choi, K.Y., Chong, S.L. 2008. Campur Aduk Bahasa Melayu dan Bahasa Cina dalam Jurnal Bahasa Moden, Jilid. 18, pp. 55-66.

Heah, Carmel L.H. 1989. The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hugh Brennan. 1992. Peminjaman Leksikal dalam Bahasa Melayu dalam Jurnal Dewan Bahasa, Jilid. 6, pp. 552-565.

Kamus Dewan 4th ed. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kong, Y.Z. 1993. Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu (Bahagian Pertama) dalam Jurnal Dewan Bahasa, Jilid. 8, pp. 676-702.

_____. 1993. Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu (bahagian kedua) dalam Jurnal Dewan Bahasa, Jilid. 9, pp. 772-795.

Lado, R. 1957. Linguistics Across Cultures : Applied Linguistics for Language Teachers. Ann Arbor: University of Chicago Press.

Langacker, R. W. 1968. Language and Its Structure : Some Fundamental Linguistic Concepts. New York : Harcourt, Brace & World.

Mashudi Kader, Yeong, A.L. 1989. Pengaruh Bahasa Cina dalam Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia dalam Jurnal Dewan Bahasa, Jilid. 4, pp. 236-267.

Tatabahasa Dewan 3rd ed. 2008. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Weinreich, U. 1968. *Languages in Contact : Findings and Problems*. The Hague Mouton.

Zaharani Ahmad. (2004). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: suatu huraian fonologi. Kertas Kerja yang dibentang di Seminar Persahabatan China-Malaysia Selama 30 Tahun, 29-30 Mei 2004: Beijing, China.